

Dagangan kaitkan alam sekitar di bawah GATT dipandang berat

PETALING JAYA 16 Nov. — Malaysia memandang berat terhadap isu perdagangan yang dikaitkan dengan isu alam sekitar di bawah Perjanjian Am Mengenai Tarif Dan Perdagangan (GATT), juga dengan kebuntuan yang ada sekarang mengenai perbincangan subsidi pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Encik Asmat Kamaluddin berkata dasar perdagangan yang digunakan untuk menyokong objektif alam sekitar, berpandukan hanya atas pertimbangan etika atau tekanan politik daripada kumpulan tempatan yang berkepentingan.

Beliau menyifatkan penggunaan langkah dagangan sebelah pihak sahaja sebagai "tindakan yang merbahaya dan negatif".

Satu ikutan yang lebih bahaya ialah dengan menggunakan langkah-langkah dagangan untuk menghadkan import barangan dan mengenakan piawaian alam sekitar negara sendiri ke atas sebuah negara ketiga.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan bengkel empat-hari GATT di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Malaysia di sini. Tenaga pengajar bengkel tersebut ialah Encik Mohammad Hamid dan Encik Raymond Krommenacker dari Sekretariat GATT di Geneva.

Baru-baru ini, undang-undang "eco-labelling" yang dikenakan oleh Austria ke atas keluaran kayu balak tropika sementara pengharaman penggunaan kayu tropika di



ASMAT KAMALUDDIN

bangunan-bangunan di beberapa daerah di Jepun serta wilayah di Jerman telah membangkitkan kemarahan Malaysia, pengeksport utama kayu.

Asmat berkata sebuah kumpulan kerja di dalam GATT telah ditubuhkan untuk memberi perhatian isu tersebut, terutamanya bagi membolehkan dagangan yang liberal yang tidak dicemari oleh penyalahgunaan langkah-langkah dagangan sebagai alasan alam sekitar.

Beliau berkata kebuntuan Perbincangan Pusingan ke lapan iaitu pusingan Uruguay, antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mengenai pertanian telah memberikan satu tampanan yang hebat kepada GATT sejak penubuhannya pada 1948.

AS dan EC telah terlibat dalam perbincangan hangat mengenai permintaan AS su-

paya EC menghentikan subsidi bijirin minyak seperti kacang soya dan biji bunga matahari yang digunakan sebagai makanan binatang dan minyak masak.

Kejayaan keputusan perbincangan Pusingan Uruguay yang terbantut sepanjang dua tahun lalu, akan dapat mengekalkan dan memperbaiki ruang kemasukan pasaran untuk eksport Malaysia, beliau berkata.

Beliau menekankan bahawa disiplin dagangan pertanian yang akan lebih teratur di bawah GATT akan membantaras kegunaan subsidi dan menghapuskan putar belit dagangan di pasaran-pasaran dunia.

Minyak sawit Malaysia, contohnya, akan boleh bersaing di pasaran ketiga pada peringkat yang sama rata, beliau menambah.

Melalui GATT, negara-negara mambangun seperti Malaysia tidak perlu menghadapi serangan dagangan melalui tindakan anti-longgok dan cukai timbal balas, beliau berkata.

Asmat berkata bahawa mengikut penilaian GATT, tawaran Malaysia dalam rundingan Pusingan Uruguay akan berakhir dengan pengurangan duti import sebanyak 12.75 peratus berasaskan dagangan.

Seterusnya, kadar purata tarif Malaysia akan menjadi 8.9 peratus daripada 10.2 sebelum ini, meletakkan Malaysia pada kedudukan yang setanding dengan kebanyakan negara-negara maju, katanya. — Bernama.